

16 JAN 2001

Bersara-Umur (Fokus Berita)/I

KEPUTUSAN MENGENAI UMUR PERSARAAN DIJANGKA TAHUN INI, KATA CUEPACS

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Setiap tahun, beratus-ratus, jika tidak pun beribu-ribu rakyat Malaysia sudah "tidak bekerja" sebaik mencapai umur 55, memaksa sesetengahnya duduk sahaja di rumah, pada usia awal kerana bersara.

Di Amerika Syarikat, sepasang suami isteri yang berumur awal enam puluhan menaja satu pertandingan dalam risalah berita mereka sendiri mengenai persaraan dengan meminta 1,500 pelanggan mereka mencari satu perkataan bagi menggambarkan kehidupan selepas umur tertentu.

Seorang daripada peserta mencadangkan ia sebagai memperolehi ijazah dan seorang lagi menggambarkannya sebagai satu kehidupan yang telah diperhalusi.

Jika seseorang melihat perkataan "bersara" dalam kamus, ia bermakna menarik diri, mengundur atau mengasingkan diri dari dunia, sudah tentu tidak ramai yang mahu berbuat demikian.

Perlu ada jalan lain, kata Presiden Cuepacs N.Siva Subramaniam.

Satu daripada jalannya, kata Siva Subramaniam, ialah memberikan pilihan kepada kakitangan awam yang mencapai umur genap 55 sama ada mahu bersara atau terus berkhidmat sehingga 58 tahun. Umur bersara wajib bagi kakitangan perkhidmatan awam Malaysia ialah 55.

Beliau berkata orang ramai kini hidup lebih lama, menjalani kehidupan lebih sihat, dan apa yang sering dikenali sebagai bersara, masa untuk duduk dan memancing, kini dijadikan peluang untuk lebih maju dan meneroka.

"Jangka hayat rakyat Malaysia telah meningkat kepada usia 70 atau 72 daripada 60 berikutan keadaan kehidupan yang lebih baik dan adalah sewajarnya pengetahuan dan pengalaman mereka yang berumur 60 tahun dieksploitasi," katanya dalam satu temuramah dengan Bernama hari ini.

Katanya ramai kakitangan awam dibersarakan pada umur muda. Di kebanyakan negara maju seperti Jepun dan Britain, umur persaraan yang ialah 60 manakala di Asia Tenggara, Singapura telah pun melaksanakannya.

Siva Subramaniam berkata kakitangan awam sebenarnya bersara pada penghujung umur 54 yang merupakan umur yang muda dan kerajaan perlu mengeluarkan sejumlah wang yang banyak untuk membayar pencen kepada mereka selagi mereka hidup.

Dengan menaikkan umur persaraan, kerajaan dapat menjimatkan "banyak wang" daripada segi gratuiti dan pencen, katanya.

Kajian Cuepacs menunjukkan bahawa terdapat lebih dalam peruntukan jika kakitangan awam dibenarkan memilih untuk bersara apabila mencapai umur genap 58 seperti yang dipohon oleh Cuepacs.

Sebagai contoh, 10,892 kakitangan awam mungkin mencapai umur persaraan wajib pada tahun 2000 manakala 14,567 lagi akan bersara pada tahun 2001, mengikut kertas cadangan rayuan yang dibuat oleh Cuepacs kepada kerajaan pada 1999 bagi melanjutkan umur persaraan pilihan bagi kakitangan awam.

Menurut kertas rayuan itu, jika 10,892 pekerja sektor awam yang mencapai umur genap 55 pada tahun 2000 melanjutkan perkhidmatan mereka, sebanyak RM493,381,054 boleh "dijimatkan" oleh kerajaan yang sebaliknya mungkin dibayar dalam bentuk gratuiti yang dapat digunakan oleh kerajaan bagi projek pembangunan dan sebagainya.

Bagi tahun 2001, 14,567 kakitangan sektor awam akan bersara dan sejumlah RM660,847,749.50 perlu dibelanjakan jika mereka terpaksa bersara wajib pada umur 55.

Beliau berkata di era globalisasi, kerajaan memerlukan lebih ramai

pekerja.

"Malahan, kita kekurangan kakitangan dalam banyak jabatan kerajaan," katanya. Kini terdapat kira-kira 800,000 kakitangan awam.

Pada 1998, Cuepacs telah mencadangkan kepada kerajaan untuk menaikkan umur bersara wajib daripada 55 kepada 60 tetapi telah ditolak.

Pada 30 April 1999, Cuepacs menyerahkan memorandum kepada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali berhubung cadangannya untuk menaikkan umur persaraan bagi kakitangan kerajaan daripada 55 kepada 58.

Hampir setahun kemudian, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata kerajaan bersedia untuk menimbangkan cadangan Cuepacs.

Halim dipetik sebagai berkata pada November tahun lepas bahawa kebaikan dan keburukan perlu ditimbangkan daripada segi situasi ekonomi, sumber manusia dan kos kepada kerajaan sebelum keputusan dibuat.

Kajian secara rawak yang dijalankan oleh Bernama menunjukkan bahawa kebanyakan mereka yang pencen tidak berbuat sesuatu yang bermanfaat walaupun mereka mungkin profesional dengan banyak pengalaman.

Sesetengah daripada mereka yang ditemubual berkata sektor swasta keberatan untuk mengambil mereka kerana faktor umur.

Pemimpin kesatuan menyatakan bahawa ia adalah "tidak ekonomi" untuk mengekalkan umur persaraan pada usia 55 kerana pelbagai faktor, antara lain, hakikat bahawa mereka masih muda dan kebanyakan mereka mempunyai tanggungjawab keluarga seperti anak-anak yang masih bersekolah dan menuntut di universiti.

"Semakin ramai orang berkahwin lambat, dan oleh itu walaupun mereka berusia pada sekitar 50an, mereka masih ada anak yang sedang bersekolah," kata seorang pemimpin kesatuan sekerja.

Di samping itu, ramai pegawai kerajaan, terutama dalam bidang profesional seperti perubatan dan perguruan mempunyai pengalaman dan kemahiran yang mendapat banyak permintaan, ditambah pula kini terdapat kekurangan.

Pemimpin kesatuan sekerja berpendapat bahawa jika cadangan Cuepacs itu tidak diterima, kerajaan boleh menentukan bahawa hanya pegawai dan kakitangan sektor awam yang berminat, berkualiti dan produktif sahaja yang akan dibenarkan terus berkhidmat secara pilihan.

Asas pemilihan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan harus berdasarkan kepada rekod perkhidmatan yang baik, sihat dan mampu menjalankan tugas dengan berkesan dan diperakukan oleh ketua jabatan masing-masing.

Syarat lain ialah mereka juga boleh diarahkan bersara pada bila-bila masa dalam tempoh pelanjutan jika tidak dapat menjalankan tugas dengan baik dan berkesan.

Siva Subramaniam berkata Cuepacs telah "berunding" dengan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pelanjutan umur persaraan dan keputusannya dijangka tahun ini.

Katanya Dr Mahathir telah menyatakan bahawa kerajaan memerlukan sedikit masa untuk mengkaji cadangan itu.

"Kami tidak tahu sama ada umur persaraan akan dilanjutkan tetapi kami tetap menaruh harapan," katanya.

-- BERNAMA

ES ES RHM RON